



MILO® UHT lancar "Peraduan Cari MILO & Menang" dorong keluarga menabung

Para pemenang berpeluang memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM240,000 dalam bentuk akaun simpanan

PETALING JAYA (10 JULAI 2020) – Peraduan seluruh negara terbaharu MILO® menawarkan peluang kepada pengguna produk UHT MILO® untuk menerima bonus kewangan dalam bentuk akaun simpanan berjumlah RM240,000. Peraduan tersebut, yang bermula pada 6 Julai 2020 dan berakhir pada 31 Ogos 2020, akan memasukkan wang tunai yang dimenangi ke dalam akaun simpanan Maybank/Maybank Islamic baharu bagi mereka yang bukan pelanggan Maybank atau ke dalam akaun bank sedia ada bagi pelanggan semasa.

"Peraduan Cari MILO® & Menang" akan menawarkan sejumlah 168 hadiah sepanjang lapan minggu peraduan, dengan seorang pemenang hadiah utama dan 20 pemenang hadiah sagu hati dipilih setiap minggu. Setiap pemenang hadiah utama akan menerima wang tunai RM10,000 manakala setiap pemenang hadiah sagu hati akan menerima RM1,000.

"Beberapa bulan kebelakangan ini ternyata mencabar buat ramai rakyat Malaysia. Kami di MILO® UHT amat bersyukur atas sokongan yang diberikan oleh pengguna kami selama ini, dan ingin kami membalas sokongan mereka melalui peraduan ini, lebih-lebih lagi dalam masa yang getir ini. Kami berharap hadiah wang tunai yang ditawarkan ini akan sedikit sebanyak dapat meringankan beban kewangan keluarga dan mendorong mereka untuk menyimpan wang kemenangan ini baik untuk pendidikan anak-anak atau merancang masa depan mereka," kata Angeline Lim, Pengurus Pemasaran Pengguna – Minuman Sedia Untuk Diminum, Nestlé (Malaysia) Berhad.

"MILO® telah mengembangkan sayapnya seiring dengan kemajuan yang dicapai oleh negara kita selama lebih 70 tahun yang lampau dan kami bertekad untuk terus mengisi keperluan tenaga rakyat Malaysia, baik dari segi tenaga khasiat pemakanan menerusi produk kami mahupun tenaga positif yang mendorong mereka untuk melakukan yang terbaik," tambah Angeline.

"Peraduan Cari MILO® & Menang" dibuka kepada semua penduduk sah Malaysia dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 7 tahun dan ke atas. Untuk layak menyertai peraduan ini, pengguna perlu membeli produk UHT MILO® yang turut serta bernilai sekurang-kurangnya RM4 dan melampirkan resit sebagai bukti pembelian bersama borang penyertaan. Peserta juga perlu memberi jawapan yang betul bagi kuiz cari kata yang dipaparkan dalam borang penyertaan.

Rakan niaga yang menyertai peraduan ini termasuk pasar raya, pasar raya besar, pasar raya mini, e-dagang, kedai stesen minyak dan kedai serbaneka di seluruh negara.

"Peraduan Cari MILO® & Menang" akan menerima bukti pembelian yang merangkumi seluruh portfolio produk UHT MILO® yang pelbagai, yang boleh didapati dalam saiz 125ml, 200ml dan 1L, dan juga MILO® Nutri Pluz™ baharu. Kalsium dalam satu hidangan MILO® NUTRI PLUZ™ adalah setara dengan kandungan kalsium dalam segelas susu¹ dan juga kaya dengan Vitamin D. Dimuatkan dalam pek 200ml satu hidangan sedia minum, produk ini memberikan tenaga dan khasiat yang diperlukan kanak-kanak untuk bergiat cergas .

Untuk maklumat lanjut mengenai peraduan, layari www.milo.com.my/cari-milo-menang-contest.

¹Malaysian Food Composition Database (MyFCD)

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

Mengenai MILO®

MILO®, minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia, diperkenalkan pada 1950 dan dikenali kerana keunikan rasanya yang digemari oleh rakyat Malaysia. MILO®, yang mengandungi khasiat kebaikan malta, susu dan koko, serta diperkaya dengan Activ-Go®, adunan unik vitamin dan mineral, merupakan minuman paling popular di Malaysia yang telah membantu melahirkan juara sejak zaman-berzaman.

Mengenai NESTLÉ (Malaysia) Berhad

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan kesemua 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak 1912, kami telah menjana khasiat rakyat Malaysia menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

E-mel: Maxine.Lim@my.nestle.com

Beverley Hon

Xcess Communication

Tel: (+6019) 313 6011

E-mel: beverley@xcesscommunication.com